

# Qalam

Bilangan 70 Ramadan 1375 Mei 1956 60 sen

*Allāhu Akbar Allāhu Akbar Allāhu Akbar!*

Dengan mengucapkan syukur ke hadrat *Allāh Subḥānahu wa Ta’ālā* yang telah menyampaikan Qalam kepada bilangan 70 ini yang bermakna ia sekarang sedang memasuki tahunnya yang ketujuh. Kita berasa megah dapat terus menghidangkannya ke hadrat pembaca-pembaca Melayu khususnya dan alam Islam umumnya sekalipun dalam masa menyampaikan kepada had yang demikian itu ia telah menerima berbagai-bagai taufan yang bertup dengan kencangnya untuk merobohkan dan menghilangkan daripada alam persuratan Melayu. *Alhamdulillāh* dengan taufik dan inayat Tuhan dapat juga ia mengharung arus yang sebegini hebat sehingga adanya hari ini tetap dan insya-Allāh akan terus bersedia mendirikan hak-hak yang tidak akan luntur, hak yang tidak akan binasa oleh apa-apa jua pun dan insya-Allāh akan teruslah menerangi umat dan memperingatkan umat kepada jalan dan tujuannya yang tetap dengan satu cita-cita dan satu matlamat untuk meninggikan kalimah Tuhan.

*Allāhu Akbar Allāhu Akbar Allāhu Akbar!*

Berbagai-bagi kejadian yang kita telah lalui, berbagai perkara yang kita lihat, dan berbagai-bagi perkara yang kita peringatkan, dari satu ke satu masa kepada umat sampai mereka itu mendahuluikan segala cita-cita dan tujuannya. Tujuan hidupnya kepada menegakkan

kalimah Allah dan kerana meninggikan agama Allah di mana jua mereka berada. Kita, walaupun dikata dan dinista dicerca dengan kata-kata istilah baru digelar re-actor, digelar Kaum Muda, digelar segala-galanya, namun kita dengan taufik dan hidayah Tuhan tetap tidak berganjak, tetap berpendirian bahawa kita tidak akan undur daripada menyeru umat daripada memperingatkan umat sampai mereka itu menegakkan dan meninggikan kalimah Allah.

*Allāhu Akbar Allāhu Akbar Allāhu Akbar!*

Wahai umat Islam! Wahai saudara-saudaraku kaum muslimin! Wahai alim ulama! Bangkitlah dan lihat di sekeliling masyarakat kita dan apa yang harus akan terjadi kepada umat kalau kita percaya mepercayai diantara satu dengan lain. Lihatlah dengan perasaan dan keinsafan, lihatlah dengan fikiran dan hati yang terbuka kepada bahaya-bahaya yang bakal menimpa kita dan bakal menimpa anak cucu kita kemudian hari nanti jika kita dari masa ini tidak bersatu, dari masa ini kita tidak mengikat persatuan menegakkan kalimah Allāh menyampaikan seruan al-Qur’ān, menyampaikan seruan sunnah kepada ummat, menyampaikan tauhid, menegakkan keyakinan mereka bahawa mereka ialah hamba Allāh, kita ialah hamba Allāh yang dipertanggung jawabkan untuk menegakkan kalimah Tuhan dimana kita berada.

*Allāhu Akbar Allāhu Akbar Allāhu Akbar!*

Saudara-saudaraku Ikhwan Muslimin! Tidakkah kita

Sebagai umat yang mengesakan *Allāh Subḥānahu wa Ta’ālā* yang Sujud kepadanya lima kali sehari memberi pengakuan di dalam tiap-tiap sembahyang setelah menghadapkan wajah kita, setelah menghadapkan diri kita seluruhnya kehadapan engkau ya Tuhanku, kita mengaku bahawa *inna ṣalātī wa nusukā wa mahyāya wa mamātī lillāhi rabbi ‘ālamīn*, bahwasanya,

hai Tuhan kita, sembahyangku ibadatku hidupku dan matiku kerana *Allah Subḥānahu wa Ta’ālā*. Saudara-saudara mesti ingat bahawa kita berikrar dan mengaku bahawa hidup dan mati kita kerana *Allah Subḥānahu wa Ta’ālā*, dan kita mengetahui bahawa tiap-tiap kita mempunyai tanggungjawab kepada umat dan kepada meninggikan kalimah Allah. Apakah akan kita katakan nanti di hadapan *Rabb al-Jalīl* kalau kita yang telah berikrar sedemikian itu tidak mengendahkan, tidak ambil peduli, tidak mau bekerja untuk menegakkan kalimah Allah?! Apakah kita akan menjadi satu umat yang hanya tahu mengeluarkan ikrar, mengeluarkan pengakuan kepada Tuhan tetapi kita tidak ambil endah, kita tidak ambil peduli, kita tidak ambil berat untuk mengerjakan usaha-usaha bagi meninggikan kalimah Allah?

*Allāhu Akbar Allāhu Akbar Allāhu Akbar!*

Kita pada tiap-tiap tahun di dalam *Yām al-‘Id al-mubārak*

di dalam hari raya yang bahagia ini, menyeru dari satu ke satu masa supaya dapat diikat satu perikatan yang tulus ikhlas untuk meninggikan, untuk menegakkan kalimah Allah. Dari enam tahun yang silam hingga hari ini dengan berbagai-bagai anjuran kita telah memperingatkan alim ulama khususnya, Ikhwanul Muslimin umumnya, supaya bekerja menegakkan kalimah Allah mengikat persatuan dan bersama-sama memikirkan keadaan-keadaan masyarakat kita yang kucar kacir hari ini.

*Allāhu Akbar Allāhu Akbar Allāhu Akbar!*

Kita telah menganjurkan kepada seseorang dua ulama yang terkenal di utara Tanah Melayu supaya memulakan langkah-langkah meminta fikiran ulama-ulama di seluruh Tanah Melayu supaya dapat dicari satu jalan apakah cagaran-cagaran dan fikiran-fikiran mereka terhadap kedudukan agama pada masa yang akan datang dan apakah ikhtiar-ikhtiar yang boleh diambil untuk membasmikan krisis akhlak yang

semakin hari semakin merebak. Kita berjanji kepada beliau-beliau itu dan kepada sesiapa daripada ulama yang suka memulakan menemui ulama-ulama itu berhubung dengan kita supaya bersama-sama menyelenggarakannya.

*Allāhu Akbar Allāhu Akbar Allāhu Akbar!*

Ikhwanul Muslimin! Sambil mengucapkan *min al-‘āi ’dīn al-fāi ’zīn al-maqbūlīn* maka kita menyeru kepada Ikhwanul Muslimin sekaliannya di mana-mana tempat berada mengumpulkan sebahagian dari sebahagiannya supaya mengambil tanggung jawab supaya memikirkan tanggungjawab mereka terhadap kepada agama Islam masing-masing daerah, dan ingatlah saudara-saudara mempunyai tanggungjawab yang besar untuk meninggikan kalimah Allah di mana saudara berada. *Allāhu Akbar Allāhu Akbar wa lillāhi al-hamd.*

\* \* \*

### Undang-undang Kehidupan Bahagian Wasiat

Daripada punca-punca yang boleh dipercayai bahawa pihak kerajaan Singapura telah meminta kepada Majlis Islam Penasihat Kerajaan supaya bahagian yang keempat daripada undang-undang perkahwinan yang sedang dihadapkan kepada kerajaan itu dibuang sahaja. (Fasal 47 itu ialah perkara yang menuntut supaya tiap-tiap orang Islam yang berwasiat hendaklah mengikut wasiat Islam dan tidak sah wasiatnya jika dibuat dengan tidak mengikut wasiat Islam.

Sebagaimana diketahui bahawa di negeri jajahan ini banyak orang-orang Islam yang membuat wasiatnya mengikut Undang-Undang British (British Law) yang dengannya boleh memansuhkan hak-hak waris bagi si mati.

Daripada punca-punca ini kita mendengar bahawa dengan tegas Majlis Islam Penasihat Kerajaan tidak mau mundur daripada mengadakan undang-undang yang tersebut. Bantahan-bantahan